

Ekonomi Kalis Cabaran Masa Hadapan

Pendahuluan	1-2
Prestasi, 2021-2022	1-3
Ekonomi Dunia	1-3
Ekonomi Dalam Negeri	1-3
Isu dan Cabaran	1-9
Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan	1-9
Gangguan dalam Rantaian Bekalan Global	1-9
Jurang Pertumbuhan antara Wilayah dan antara Negeri Masih Wujud	1-9
Inflasi yang Meningkat	1-9
Risiko Kedinamikan Penduduk	1-9
Ruang Fiskal yang Terhad	1-9
Hala Tuju, 2023-2025	1-13
Prospek Ekonomi Dunia	1-13
Prospek Ekonomi Dalam Negeri	1-13
Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi	1-16
Memperkuh Perdagangan Luar dalam Rantaian Bekalan Global	1-18
Mengoptimum Potensi Ekonomi Wilayah dan Negeri	1-18
Mengurus Inflasi	1-19
Menambah Baik Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	1-19
Kesimpulan	1-21

Pendahuluan

Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), kadar pertumbuhan purata tahunan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat sebanyak 5.9%, melebihi sasaran asal antara 4.5% hingga 5.5% setahun, walaupun menghadapi persekitaran yang mencabar. Ekonomi Malaysia semakin pulih dan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.7% pada tahun 2022, berbanding 3.3% pada tahun 2021, sejajar dengan pemulihan ekonomi dunia. Keadaan pasaran buruh juga bertambah baik yang mendorong kepada peningkatan pekerjaan. Akaun semasa imbalan pembayaran kekal berada dalam lebihan, disokong oleh permintaan luaran yang kukuh. Di samping itu, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan terus mengecil. Kesejahteraan rakyat bertambah baik seperti ditunjukkan oleh Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) pada tahun 2021 sejajar dengan prestasi ekonomi. Selain itu, inflasi domestik meningkat disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih tinggi, tetapi masih pada tahap yang terkawal. Walaupun pencapaian keseluruhan adalah positif, masih terdapat isu dan cabaran pada peringkat global dan domestik yang perlu ditangani. Risiko global termasuk ketegangan geopolitik, gangguan perdagangan dan rantai bekalan global serta harga komoditi dan inflasi yang lebih tinggi. Isu pada peringkat domestik termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlahan, jurang pertumbuhan antara wilayah dan antara negeri yang masih wujud serta ruang fiskal yang terhad.

Melangkah ke hadapan, untuk memastikan ekonomi kalis cabaran, penekanan akan diberikan kepada transformasi ekonomi dengan meningkatkan daya saing dan memastikan pertumbuhan mampan. Usaha akan dipergiat bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkukuh perdagangan luar dalam rantai bekalan global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri dan mengurus inflasi. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan kemampanan dan kredibiliti fiskal dengan memperkukuh tadbir urus fiskal, meningkatkan hasil, menyemak semula subsidi bersasar dan mempertingkatkan pengurusan belanjawan serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi, inklusiviti dan kemampanan ke arah mencapai wadah 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' dan menjadi negara berpendapatan tinggi.

Prestasi, 2021-2022

Ekonomi Dunia

Dalam tempoh kajian semula, ekonomi dunia berkembang sebanyak 4.9% setahun, menunjukkan pemulihan ekonomi global pasca pandemik COVID-19. Pemulihan ini disokong oleh pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi, peluasan program vaksinasi dan pembukaan semula ekonomi di seluruh dunia. Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun berkembang sebanyak 5.4% setahun, manakala ekonomi maju meningkat sebanyak 4%. Pertumbuhan ekonomi maju diterajui oleh Amerika Syarikat (AS), didorong oleh pelaburan tetap perniagaan serta perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan yang lebih tinggi. Perdagangan dunia berkembang sebanyak 7.9% setahun, terutama disokong oleh prestasi perdagangan pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun yang lebih kukuh. Selain itu, inflasi dunia meningkat sebanyak 6.7% setahun berikutan konflik antara Rusia dan Ukraine yang berpanjangan dan harga komoditi yang tinggi.

Ekonomi Dalam Negeri


Dalam tempoh kajian semula, potensi pengeluaran berkembang sebanyak 3.8% setahun. KDNK berkembang sebanyak 5.9% setahun disumbang oleh pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih baik sebanyak 3.7% setahun. Sektor swasta kekal sebagai pemacu pertumbuhan disokong oleh dasar monetari yang akomodatif dan dasar fiskal mengembang. Keadaan pasaran buruh bertambah baik dan kembali mencapai tahap guna tenaga penuh. Permintaan buruh yang lebih tinggi menyumbang kepada gaji dan upah yang lebih baik, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat kepada 3.3% pada tahun 2022. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada harga semasa adalah sebanyak RM52,968 (AS\$12,035) pada tahun 2022, lebih tinggi berbanding RM42,838 (AS\$10,191) pada tahun 2020. Kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya bertambah baik, disokong oleh kemajuan dalam aspek ekonomi dan sosial. Dalam tempoh kajian semula, tujuh daripada 12 sasaran ekonomi makro terpilih telah dicapai, empat sasaran berada pada landasan yang ditetapkan, manakala satu sasaran masih ketinggalan, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-1*. Di samping itu, empat daripada lapan sasaran matlamat pelbagai dimensi telah dicapai, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-2*.



Paparan 1-1


Pencapaian Sasaran Ekonomi Makro Terpilih

Penggunaan dan Pelaburan




2021-2025

2021-2022

Purata Pertumbuhan
Penggunaan Swasta Benar


2021-2025

2021-2022

Purata Pertumbuhan
Pelaburan Swasta Benar


2021-2025

2021-2022

Purata Pertumbuhan
Pelaburan Awam Benar


2021-2025

2021-2022

Purata Pertumbuhan
Penggunaan Awam Benar

2021-2025

2021-2022

Purata Pelaburan Swasta
pada Harga Semasa

2021-2025

2021-2022

Purata Pelaburan Awam
pada Harga Semasa

Perdagangan Antarabangsa




Purata Pertumbuhan Eksport Kasar

Imbangan Perdagangan




Akaun Semasa Imbangan Pembayaran

Pengangguran




Kadar Pengangguran

Inflasi



Kadar Purata Inflasi Tahunan


Baki Fiskal



Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK

Paparan 1-2

Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi



Nota: ^a Berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

^b Data terkini akan diterbitkan dalam Laporan Ketelusan Dwitahunan Malaysia pada tahun 2024.

Pencapaian Indikator Utama Ekonomi, 2021-2022



Produktiviti

- Purata sumbangan produktiviti pelbagai faktor (MFP) kepada KDNK mencatat 36.9%
- Produktiviti buruh bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 3.7% setahun kepada RM95,858 pada tahun 2022 berbanding RM89,179 pada tahun 2020
- Produktiviti buruh dalam sektor pembuatan melonjak sebanyak 5.4% setahun, disokong oleh permintaan luaran yang lebih tinggi
- Bahagian pampasan pekerja (CE) daripada KDNK mencatat 32.4% pada tahun 2022 dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar



Permintaan Agregat

- Penggunaan swasta berkembang sebanyak 6.4% setahun, disumbang oleh peningkatan perbelanjaan disebabkan permintaan yang tertangguh sebelum ini, keadaan pasaran buruh yang lebih baik dan sokongan dasar yang berterusan
- Pelaburan swasta meningkat sebanyak 4.9% atau secara purata RM243 bilion setahun pada harga semasa, disokong oleh perolehan mesin dan peralatan (M&E) baharu dan pelaburan yang berterusan dalam struktur fizikal
- Penggunaan awam meningkat sebanyak 5.5% setahun, dipacu oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan
- Pelaburan awam menguncup sebanyak 3.3% setahun. Nilai purata pelaburan awam mencatat RM70 bilion setahun pada harga semasa, terutama daripada projek infrastruktur seperti Laluan Rel Pantai Timur, Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru serta Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak
- Eksport bersih menguncup sebanyak 2.5% setahun berikutan pertumbuhan import melebihi eksport disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh dan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi



Keluaran mengikut Sektor

- Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.5% setahun, diterajui oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam aktiviti berkaitan pengguna
- Sektor pembuatan meningkat sebanyak 8.8% setahun, didorong oleh permintaan yang kukuh untuk produk elektrik dan elektronik (E&E)
- Sektor perlombongan berkembang sebanyak 1.8% setahun, disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi
- Sektor pertanian menguncup secara marginal sebanyak 0.02% setahun, disebabkan oleh pengeluaran kelapa sawit yang rendah
- Sektor pembinaan merosot sebanyak 0.2% setahun, berikutan aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman yang lebih perlahan



Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri

- Semua negeri mencatat pertumbuhan positif dengan dua negeri berkembang lebih tinggi berbanding KDNK nasional
 - Pulau Pinang berkembang sebanyak 10% dan Selangor sebanyak 8.5%, dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan
- Selangor, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai lima penyumbang terbesar kepada KDNK, iaitu sebanyak 67%



Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran

- Eksport kasar berkembang sebanyak 25.5% setahun, dipacu oleh produk E&E, petroleum dan kimia
- Import kasar berkembang sebanyak 27.1% setahun, berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan pengantara untuk sektor pembuatan dan barangan modal untuk aktiviti pelaburan
- Akaun semasa kekal berada dalam lebihan berjumlah RM55.1 bilion atau 3.2% kepada PNK pada tahun 2022, disokong oleh lebihan yang tinggi dalam akaun barangan



Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

- Defisit fiskal sebagai peratusan kepada KDNK berkurang kepada 5.6% pada tahun 2022, disumbang oleh pembaharuan fiskal yang proaktif dan pengurusan hutang yang lebih baik
- Bahagian hasil Kerajaan Persekutuan kepada KDNK meningkat kepada 16.4% pada tahun 2022
- Perbelanjaan mengurus (OE) meningkat sebanyak 14.2% setahun kepada RM292.7 bilion pada tahun 2022
- Kira-kira 94% daripada RM144.6 bilion peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) telah dibelanjakan
- Hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.6 bilion atau 60.3% kepada KDNK pada tahun 2022



Inflasi dan Pasaran Buruh

- Kadar purata inflasi meningkat kepada 2.9% setahun, disebabkan terutama oleh kenaikan dalam komponen makanan dan minuman bukan alkohol, restoran dan hotel serta pengangkutan
- Keadaan pasaran buruh bertambah baik dengan pekerjaan berkembang pada kadar 2.2% pada tahun 2022
- Sebanyak 327.6 ribu pekerjaan baharu diwujudkan dengan kadar pengangguran sebanyak 3.9% pada tahun 2022



Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

- MyWI berkembang sebanyak 1.3% daripada 117.7 mata pada tahun 2020 kepada 119.2 mata pada tahun 2021
 - Indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi meningkat sebanyak 1% kepada 127.2 mata berikutan pendapatan dan pengagihan, komunikasi dan kualiti pendidikan yang lebih baik
 - Indeks subkomposit kesejahteraan sosial bertambah baik sebanyak 1.4% kepada 114.7 mata, disumbang oleh komponen tadbir urus, kebudayaan dan keselamatan awam

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi. Namun begitu, risiko kelembapan yang berpunca daripada keadaan global dan domestik masih kekal. Antara isu dan cabaran domestik, termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlahan, gangguan dalam rantaian bekalan global, jurang pertumbuhan antara wilayah dan antara negeri masih wujud, inflasi yang meningkat dan ruang fiskal yang terhad. Di samping itu, perubahan dalam dinamik penduduk terus menjadi cabaran kepada pertumbuhan ekonomi, seperti ditunjukkan dalam Kotak 1-1.

Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan


- Kekurangan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi
- Kekurangan pelaburan yang berkualiti
- Penerimgunaan teknologi termaju dan pendigitalan yang perlahan
- Kekurangan ekosistem yang memudah cara perniagaan
- Produktiviti yang rendah
- Kekurangan bakat berkemahiran

Jurang Pertumbuhan antara Wilayah dan antara Negeri Masih Wujud

- Usaha memaksimumkan peluang pembangunan wilayah dan negeri, termasuk kawasan sempadan kurang berkesan
- Infrastruktur asas di negeri kurang membangun yang tidak mencukupi
- Kurang penyertaan sektor swasta dalam kerjasama subserantau

Risiko Kedinamikan Penduduk

- Risiko pertumbuhan ekonomi yang perlahan
- Risiko penurunan jumlah penduduk umur bekerja
- Peningkatan beban fiskal, termasuk kos penjagaan kesihatan, penjagaan jangka panjang dan perlindungan sosial



Gangguan dalam Rantaian Bekalan Global

- Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan
- Fragmentasi yang ketara dalam kalangan blok ekonomi
- Kurang memanfaatkan perjanjian perdagangan

Inflasi yang Meningkat

- Harga komoditi peringkat global yang tinggi
- Kekurangan dalam bekalan makanan
- Kadar tukaran asing yang tidak menentu

Ruang Fiskal yang Terhad

- Asas hasil yang kecil
- Pengagihan subsidi yang kurang cekap
- Pengurusan dan pemantauan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang kurang berkesan
- Pengurusan dan pemantauan hutang dan liabiliti yang lemah


Kotak 1-1**Pembangunan Sosioekonomi ke arah Negara Tua****Malaysia ke arah Negara Tua**

Penuaan penduduk, iaitu warga emas merangkumi peratusan yang tinggi daripada jumlah keseluruhan penduduk, merupakan fenomena global. Berdasarkan penetapan dalam Perhimpunan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Penuaan di Vienna 1982, warga emas ditakrifkan sebagai individu yang berumur 60 tahun dan ke atas. Berdasarkan definisi ini, Malaysia dijangka akan menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila peratusan warga emas mencapai 15% daripada jumlah penduduk. Selain itu, PBB mentakrifkan tahap penuaan negara kepada tiga kategori, iaitu negara menua apabila peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas mencapai 7% daripada jumlah keseluruhan penduduk, negara tua pada 14% dan negara sangat tua pada 20%. Berdasarkan definisi ini, Malaysia telah menjadi negara menua pada tahun 2021 dan dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2044 (Bank Dunia, 2023). Penduduk Malaysia mengikut kumpulan umur adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 1*.

Tempoh peralihan 23 tahun ke arah negara tua bagi Malaysia adalah pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan kebanyakan negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang mengambil masa kira-kira 50 hingga lebih 100 tahun. Walau bagaimanapun, tempoh peralihan ini adalah sama seperti Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Selatan. Dalam melangkah ke arah negara tua, Malaysia dijangka akan berdepan dengan beberapa cabaran seperti pertumbuhan ekonomi yang perlahan, penurunan penyertaan tenaga buruh, produktiviti yang rendah, simpanan persaraan yang tidak mencukupi, komitmen fiskal yang tinggi, peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan impak ke atas penjagaan jangka panjang (LTC) dan perlindungan sosial.

Implikasi kepada Ekonomi dan Fiskal**Penurunan Penyertaan Tenaga Buruh**

Kadar kesuburan jumlah (TFR) bagi setiap wanita umur reproduktif berkurang daripada 4.9 kelahiran pada tahun 1970 kepada 1.6¹ pada tahun 2022 dan kadar peratusan penduduk dalam umur bekerja telah menurun daripada 45% kepada 23% dalam tempoh yang sama, dan ini boleh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan produktiviti. Penurunan dalam peratusan penduduk dalam umur bekerja akan meningkatkan permintaan daripada industri untuk menggaji tenaga buruh asing.

Rajah 1**Malaysia: Penduduk mengikut Kumpulan Umur, 1970-2050**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

¹ Data awalan.

Simpanan Persaraan yang Tidak Mencukupi

Simpanan persaraan yang mencukupi adalah penting untuk warga emas bagi mengekalkan kualiti hidup dan kesejahteraan. Warga emas dengan simpanan yang tidak mencukupi akan mudah terjejas dan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan yang penting, seperti utiliti, penjagaan kesihatan dan LTC. Di samping itu, peningkatan kos sara hidup dan kekurangan sokongan daripada keluarga meningkatkan kebarangkalian warga emas untuk terjerumus dalam kemiskinan. Simpanan dalam tempoh pekerjaan akan membolehkan warga emas mengeluarkannya untuk perbelanjaan semasa persaraan. Pada tahun 2022, kira-kira 52% ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000, manakala 22% mempunyai kurang daripada RM1,000. Selain itu, hanya 8.4 juta daripada 15.7 juta ahli KWSP mempunyai akaun yang aktif. Tahap simpanan yang rendah ini menunjukkan sebahagian besar penduduk Malaysia berada dalam situasi yang mudah terjejas ketika melangkah ke usia tua.

Komitmen Fiskal yang Lebih Tinggi

Perbelanjaan Kerajaan untuk penjagaan kesihatan awam, khususnya perbelanjaan berkaitan umur dijangka mencecah 4.3% kepada KDNK pada tahun 2050 (Bank Dunia, 2023). Perbelanjaan ini akan mengakibatkan komitmen fiskal yang lebih tinggi dalam menyediakan perkhidmatan dan bantuan penjagaan kesihatan untuk warga emas. Selain itu, warga emas tanpa simpanan yang mencukupi dan tidak mempunyai perlindungan sosial akan menghadapi risiko kemiskinan yang lebih besar, yang seterusnya meningkatkan keperluan untuk bantuan Kerajaan. Kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih rendah dan peningkatan bilangan pesara boleh mengurangkan hasil Kerajaan daripada tenaga buruh, mengehendkan perbelanjaan Kerajaan untuk membiayai perkhidmatan sosial dan menyebabkan cabaran fiskal dan defisit belanjawan. Pada tahun 2022, hasil cukai daripada individu bekerja menyumbang 16% kepada jumlah hasil cukai. Di samping itu, semakin meningkatnya jangka hayat, pembayaran pencen akan terus memberi tekanan kepada perbelanjaan Kerajaan yang diunjur mencapai 4.4% kepada KDNK menjelang tahun 2050.

Implikasi Sosial

Peningkatan Jurang Antara Generasi

Perubahan minda, budaya dan tingkah laku dalam masyarakat merupakan antara cabaran utama dalam persediaan negara menghadapi negara tua. Dalam hubungan ini, peningkatan jurang antara generasi boleh mempengaruhi perubahan nilai dalam masyarakat, termasuk nilai hormat dan ihsan terhadap warga tua. Selain itu, hubungan dan sokongan antara generasi semakin merosot seiring dengan pemodenan dan kemajuan teknologi. Di samping itu, penekanan yang rendah terhadap pendidikan mengenai gerontologi boleh menghalang usaha untuk mengimbangi jurang antara generasi.

Kesan ke atas Sistem Penjagaan Kesihatan

Kesejahteraan hidup rakyat semakin baik hasil daripada kemajuan dalam penjagaan kesihatan dan inovasi perubatan. Walau bagaimanapun, peningkatan NCD yang ketara, seperti diabetes, penyakit jantung dan kanser, memberi cabaran kepada sistem penjagaan kesihatan, terutama dalam pencegahan dan pengurusan NCD untuk warga emas. Di samping itu, terdapat juga cabaran baharu bagi memenuhi keperluan khusus warga emas seperti demensia, penjagaan paliatif, *frailty* dan kesihatan mental. Tanpa sebarang reformasi penjagaan kesihatan, peningkatan populasi warga emas memberikan tekanan yang besar kepada sistem penjagaan kesihatan.

Kesan terhadap Penjagaan Jangka Panjang

Bilangan warga emas yang semakin meningkat dan saiz keluarga yang lebih kecil akan meningkatkan keperluan untuk memperluas sistem LTC warga emas yang formal. Penyediaan penjagaan untuk warga emas secara tidak formal menjadi satu cabaran apabila bilangan penyertaan wanita dalam tenaga buruh semakin meningkat memandangkan lazimnya penjaga adalah wanita. Trend ini boleh menyumbang kepada peningkatan warga emas yang tinggal bersendirian atau ditinggalkan. Di samping itu, pembiayaan awam yang terhad, kekurangan sumber manusia serta piawaian yang kurang jelas bagi menarik, mengekalkan dan memberi insentif kepada golongan profesional dan pekerja penjagaan menjadi halangan untuk mewujudkan sistem LTC yang mampan.

Liputan Perlindungan Sosial yang Tidak Mencukupi

Keperluan untuk menyediakan perlindungan sosial yang mencukupi untuk rakyat terus menjadi cabaran apabila penduduk semakin menua dan jangka hayat semakin meningkat. Cabaran ini termasuk untuk mengurangkan ralat kemasukan dan penyisihan data dalam pengagihan bantuan sosial serta memperluas liputan caruman untuk pendapatan persaraan, terutama bagi wanita, pekerja tidak formal, termasuk penjaga tanpa gaji. Simpanan persaraan yang tidak mencukupi dan pengurusan kewangan yang tidak cekap akan menjejaskan jaminan pendapatan, seterusnya meningkatkan kebarangkalian untuk warga emas jatuh miskin.

Persediaan ke arah Negara Tua

Bagi menangani risiko dan cabaran penduduk menua, Kerajaan sedang menyediakan satu rangka tindakan kebangsaan penduduk menua untuk mengurangkan risiko dan memanfaatkan peluang yang berpotensi. Rangka tindakan ini akan menggariskan dasar, strategi dan pelan tindakan sebagai persediaan ke arah negara tua yang sihat, produktif dan inklusif.

Peluang Ekonomi

Insentif akan disediakan untuk menggaji warga emas dengan pengaturan kerja yang lebih fleksibel dan menyediakan persekitaran kerja yang mesra warga emas bagi menggalakkan warga emas kekal dalam tenaga kerja. Warga emas yang mempunyai kemahiran insaniah dan kepakaran tertentu akan dapat terus menyumbang kepada ekonomi, dan ini akan menggalakkan pembelajaran antara generasi. Di samping itu, teknologi dan pendigitalan akan terus dipertingkatkan dan dimanfaatkan untuk meningkatkan peluang kepada warga emas untuk terus bekerja. Selain itu, bagi mengimbangi pasaran buruh berikutan penduduk umur bekerja yang semakin berkurangan, dasar buruh asing yang menyeluruh akan ditambah baik untuk memastikan bekalan buruh yang mencukupi bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi penjagaan akan dimanfaatkan untuk mewujudkan industri LTC yang inklusif, cekap dan mampan. Pewujudan ekosistem pasaran yang kondusif dijangka dapat menarik pelaburan swasta, menyediakan penjagaan berkualiti dan melonjakkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh. Di samping itu, pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) akan digalakkan untuk mengembangkan ekonomi berkaitan warga emas, terutama dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan mesra warga emas. Selain itu, cukai progresif ke atas produk yang kurang sihat akan diteroka untuk menggalakkan penuaan yang sihat.

Kesejahteraan Sosial

Intervensi jangka panjang serta dasar dan insentif yang bersesuaian akan diperkukuh untuk memperlambatkan penurunan tahap kesuburan bagi menangani isu kadar pertumbuhan penduduk yang rendah. Jurang antara generasi akan dirapatkan, manakala nilai murni seperti hormat-menghormati, ihsan dan kebertanggungjawaban akan terus dipupuk dalam kalangan generasi muda. Pelan tindakan yang menyeluruh akan dibangunkan bagi mengukuhkan dan mentransformasi penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menggalakkan jangka hayat yang sejahtera, terutama untuk warga emas. Di samping itu, dasar LTC yang menggabungkan sokongan keluarga dengan penjagaan berasaskan komuniti akan diteroka untuk menyediakan penjagaan warga emas yang lebih baik. Usaha ini akan memberi peluang untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Selain itu, sistem perlindungan sosial negara akan direformasi dengan memurnikan bantuan sosial, insurans sosial dan intervensi dalam pasaran buruh untuk memastikan perlindungan yang menyeluruh dan tiada sesiapa yang tertinggal. Perumahan mampu milik yang inklusif juga akan disediakan menerusi perkampungan persaraan untuk memupuk komuniti yang bersatu padu dan mewujudkan persekitaran yang boleh didiami. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas juga akan ditambah baik bagi memenuhi keperluan dan keselesaan warga emas.

Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan dipergiat bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkukuh perdagangan luar dalam rantaian bekalan global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri serta mengurus inflasi. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan kemampanan dan kredibiliti fiskal dengan memperkukuh tadbir urus fiskal, meningkatkan hasil, menyemak semula subsidi bersasar dan mempertingkatkan pengurusan belanjawan serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Strategi ini akan memacu Malaysia untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dan akhirnya berada dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia.

Prospek Ekonomi Dunia

Ekonomi dunia diunjur berkembang sebanyak 3.1% setahun dalam tempoh akhir RMKe-12 didorong oleh pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun, terutama Republik Rakyat China. Selain itu, ekonomi AS akan menerajui pertumbuhan ekonomi negara maju, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1-1*. Perdagangan dunia dijangka menyederhana sebanyak 3.1% setahun disebabkan oleh beberapa faktor yang menjejaskan permintaan global. Inflasi dan kos sara hidup yang tinggi, dasar monetari yang lebih ketat, ketidakstabilan sistem perbankan global, ketegangan geopolitik, peningkatan semula kes jangkitan COVID-19 dan kemunculan ancaman baharu kesihatan global dijangka memberi kesan kepada prospek ekonomi dunia.



Jadual 1-1 Prospek Ekonomi Dunia, 2021-2025

Perkara	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %		
	Sebenar	Prospek	
		2021-2022	2023-2025
Pengeluaran Dunia	4.9	3.1	3.8
Negara Maju	4.0	1.6	2.6
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	5.4	4.0	4.6
Perdagangan Dunia	7.9	3.1	5.0
Harga Pengguna Dunia	6.7	5.3	5.8
Harga Komoditi			
Bukan Bahan Api ¹	16.9	-2.3	5.4
Minyak Mentah	51.9	-11.4	9.9
Harga Minyak Mentah (AS\$ setong) ²	82.8	69.7	74.9

Nota: ¹ Purata berdasarkan wajaran import komoditi dunia.

² Purata harga minyak mentah UK Brent, Dubai Fateh dan West Texas Intermediate.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook* (April dan Julai 2023)







Prospek Ekonomi Dalam Negeri

Potensi pengeluaran dijangka berkembang antara 5.5% hingga 6% setahun disumbang oleh produktiviti yang lebih tinggi. Ekonomi dijangka berkembang antara 5% hingga 5.5% setahun didorong oleh permintaan dalam negeri, terutama perbelanjaan sektor swasta, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-3*. Penggunaan swasta dijangka meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 6.1%. Peningkatan ini akan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dengan ekonomi kekal pada tahap guna tenaga penuh dan kadar inflasi dijangka kekal terkawal. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan. Selain itu, sektor pembinaan dijangka kembali pulih disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. PNK per kapita pada harga semasa diunjur meningkat sebanyak 4.6% setahun kepada RM61,000 (AS\$14,250) pada tahun 2025, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-4*.


Paparan 1-3

Sasaran Ekonomi Makro Terpilih

Penggunaan dan Pelaburan




Perdagangan Antarabangsa



Pengangguran



Inflasi



Baki Fiskal



Paparan 1-4

Matlamat Pelbagai Dimensi, 2021-2025



5.0% hingga 6.0%
Pertumbuhan KDNK setahun



RM61,000
PNK per kapita pada
tahun 2025



RM10,065
Purata pendapatan bulanan isi
rumah pada tahun 2025



3.7%
Pertumbuhan produktiviti
buruh setahun



Sehingga 45%
Pengurusan intensiti pelepasan
GHG kepada KDNK pada tahun
2030 berdasarkan intensiti
pelepasan pada tahun 2005



40%
Bahagian pampasan pekerja
daripada KDNK pada tahun
2025



1:1.9 **1:2.1**
Wilayah Tengah dan Sabah : Wilayah Tengah
dan Timur
Jurang KDNK per kapita antara
wilayah pada tahun 2025



1.4%
Peningkatan Indeks
Kesejahteraan Rakyat
Malaysia setahun

Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi

Mempergiat Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Reformasi sektor akan dipercepat dengan melonjakkan industri *high growth high value* (HGHV), iaitu yang berkaitan tenaga, teknologi dan pendigitalan, E&E, pertanian dan asas tani serta nadir bumi bukan radioaktif. Lima industri HGHV ini dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Anjakan Besar dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12. Pelaksanaan reformasi melalui Anjakan Besar ini dijangka menyokong sasaran pertumbuhan dalam semua sektor.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 5.7%, diterajui terutama oleh aktiviti berkaitan pengguna seperti dalam subsektor perdagangan runcit, penginapan serta makanan dan minuman, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1-2*. Dalam hubungan ini, langkah strategik akan dipergiat bagi mempercepat pemulihan industri pelancongan, mencergaskan semula industri kreatif dan memperkukuh pembangunan industri halal bagi mengoptimumkan potensi semua industri ini. Usaha juga akan diambil bagi meningkatkan sumbangan subsektor perkhidmatan moden dengan memberi tumpuan kepada industri perkhidmatan ICT dan memanfaatkan teknologi kewangan, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital. Di samping itu, strategi akan diperkukuh bagi meningkatkan pembiayaan mampan, termasuk kewangan Islam. Selain itu, subsektor elektrik akan diperkukuh melalui penambahan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) dengan sasaran



sebanyak 31% pada tahun 2025, selari dengan Anjakan Besar Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi untuk meningkatkan penggunaan solar, tenaga hidro dan biotenaga serta mempercepat pembangunan sumber tenaga baharu dan pada peringkat awal penerokaan, terutama hidrogen.

Jadual 1-2

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi

Perkara	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %		
	Prestasi	Sasaran Dipinda	
	2021-2022	2023-2025	2021-2025
KDNK	5.9	5.0~5.5	5.0~6.0
Pertanian	-0.02	2.7	1.6
Perlombongan dan Pengkuarian	1.8	3.1	2.6
Pembuatan	8.8	4.9	6.4
Pembinaan	-0.2	6.7	3.9
Perkhidmatan	6.5	5.7	6.0

Sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 4.9% setahun. Keutamaan akan diberi untuk mempercepat peralihan ke arah sumber pertumbuhan baharu dalam sektor, terutama E&E. Langkah akan diambil untuk mempergiat pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan kompleks dengan meningkatkan aktiviti pembuatan *front-end* termaju dan memperkukuh ekosistem keseluruhan, terutama dalam reka bentuk litar bersepadu (IC), pempakejan IC, fabrikasi wafer, sistem terbenam, perkhidmatan ujian dan kejuruteraan reka bentuk. Langkah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi. Usaha juga akan dilaksana bagi memperkukuh industri berintensifkan pengetahuan, termasuk M&E, produk petroleum serta bahan kimia dan produk kimia untuk menyokong pertumbuhan. Di samping itu, inisiatif mobiliti rendah karbon akan diperluas melalui pengeluaran dan pemasangan kenderaan cekap tenaga, termasuk kenderaan elektrik dan hibrid. Usaha menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan digalakkan bagi mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih sifar seawal tahun 2050.

Pertumbuhan sektor pertanian diunjur menyederhana sebanyak 2.7% setahun, terutama disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang terus kekal rendah. Usaha yang lebih giat akan dilaksana untuk mentransformasi subsektor agromakanan yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani. Langkah akan diambil untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti subsektor agromakanan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar, meningkatkan tanaman bernilai tinggi dan mengoptimumkan kawasan pengeluaran makanan. Pelaksanaan langkah ini dijangka meningkatkan sumbangan subsektor agromakanan kepada kira-kira 57% daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian pada tahun 2025 ke arah mencapai keterjaminan makanan.

Sektor pembinaan dijangka berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 6.7%, terutama dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Pelaksanaan projek infrastruktur awam yang lebih cepat akan terus menyokong pertumbuhan sektor ini. Di samping itu, pembangunan rumah mampu milik di lokasi strategik di bawah beberapa inisiatif, termasuk Residensi Wilayah, Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Inklusif MADANI, akan mempercepat pertumbuhan dalam subsektor bangunan kediaman. Usaha akan dipergiat untuk memperluas pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dan Pemodelan Maklumat Bangunan bagi meningkatkan produktiviti. Pelaksanaan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) Kerja juga akan dipergiat bagi menggalakkan penggunaan produk pembinaan hijau dan meningkatkan pertumbuhan mampan.

Sektor perlombongan dijangka berkembang sebanyak 3.1% setahun, terutama didorong oleh peningkatan dalam pengeluaran gas asli. Dalam hubungan ini, usaha akan dilaksana untuk melonjakkan pengeluaran melalui fasiliti baharu dan projek dalam pelaksanaan bagi menyokong pertumbuhan. Di samping itu, langkah akan diambil untuk menambah baik rangka kerja dasar dan membangunkan model perniagaan baharu bagi menggalakkan pertumbuhan industri nadir bumi sebagai sebahagian daripada inisiatif Anjakan Besar Industri HGHV Nadir Bumi.

Menarik Pelaburan Berkualiti yang Lebih Tinggi

Pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 6.4% setahun atau purata RM301 bilion setahun pada harga semasa, disokong oleh pelaksanaan projek baharu dan sedia ada merentas sektor utama ekonomi yang lebih cepat. Usaha akan dipergiat untuk menggalakkan pelaburan berkaitan teknologi dalam industri HGHV, termasuk E&E, pertanian pintar dan TBB. Di samping itu, firma akan digalakkan untuk meningkatkan pelaburan dalam M&E bagi mengembangkan kapasiti dan produktiviti. Selain itu, inisiatif

pelaburan sedia ada akan disemak semula untuk menarik pelaburan berkualiti yang menggunakan teknologi terkedepan dan menawarkan pemindahan teknologi. Sektor swasta akan digalakkan untuk mempergiat pelaburan hijau dalam operasi dan premis perniagaan, termasuk untuk pembangunan dan penggunaan sumber TBB.

Ekosistem dan peraturan bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan dan memudahkan urusan menjalankan perniagaan akan terus diperkukuh melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH). Di samping itu, kajian semula dan pembaharuan dasar pelaburan yang menyeluruh, termasuk berkaitan insentif dan institusi akan dilaksana di bawah Aspirasi Pelaburan Nasional. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk menarik pelaburan berkualiti yang menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang kompleks serta mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Firma akan digalakkan untuk melabur dalam teknologi termaju seperti *blockchain*, kecerdasan buatan dan analitis data raya. Selain itu, Kerajaan akan memudah cara penglibatan institusi pendidikan tinggi, institut penyelidikan dan sektor swasta yang lebih luas bagi mempercepat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Inisiatif ini akan menarik lebih banyak pelaburan berkualiti, terutama yang memberi tumpuan kepada teknologi termaju.

Pelaburan awam dijangka berkembang sebanyak 3.9% setahun atau purata RM83 bilion setahun pada harga semasa disumbang oleh DE Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan. Kerajaan akan terus melaksana program dan projek bagi meningkatkan keupayaan produktif ekonomi. Projek ini termasuk pembukaan kawasan perindustrian berteknologi tinggi yang baharu di Kimanis dan Kota Belud, Sabah dan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping di Perlis, serta peluasan Taman Teknologi Tinggi Samajaya di Sarawak dan Taman Perindustrian Tok Bali di Kelantan, di samping pembinaan *Central Spine Road* dan pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Melonjakkan Produktiviti

Usaha akan dipergiat untuk melonjakkan produktiviti bagi meningkatkan pertumbuhan yang berkualiti. Purata sumbangan MFP daripada pertumbuhan KDNK dijangka meningkat kepada 42.8% dengan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.8% setahun dalam tempoh akhir RMKe-12. Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan akademia akan diperkukuh bagi meningkatkan lagi produktiviti pada peringkat nasional, negeri, sektor dan perusahaan. Mekanisme perancangan pada peringkat nasional akan ditambah baik dengan memperkukuh tadbir urus majlis produktiviti dan jawatankuasa

berkaitan bagi membolehkan pemantauan sasaran Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) yang lebih baik. Selain itu, ekosistem pada peringkat negeri, sektor dan perusahaan akan diperkukuh. Penubuhan unit MyMudah akan diperluas kepada semua peringkat kerajaan serta persatuan perniagaan bagi memastikan fleksibiliti, kecekapan dan keberkesanan peraturan.

Usaha akan dilaksana untuk menangani ketidakpadanan bakat, melonjakkan produktiviti dan meningkatkan pendapatan buruh yang dijangka menyumbang kepada bahagian CE yang lebih tinggi daripada KDNK pada kadar 40% pada tahun 2025, dan akhirnya 45% dalam tempoh 10 tahun. Usaha ini akan turut disokong oleh pengenalan model gaji progresif yang merupakan alat dasar penting bagi mempercepat pertumbuhan kadar upah. Selain itu, pembangunan bakat yang didorong oleh permintaan serta program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan dipergiat. Di samping itu, usaha akan diambil bagi meningkatkan aktiviti R&D&C&I. Jurang produktiviti antara firma besar dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan dirapatkan dengan menerima guna teknologi dan pendigitalan. Akses kepada pembiayaan juga akan ditambah baik bagi menyokong inovasi dan pembangunan kemahiran. Inisiatif sedia ada yang berjaya di bawah nexus produktiviti akan diperluas kepada nexus baharu.

Memperkukuh Perdagangan Luar dalam Rantaian Bekalan Global

Mempertingkatkan Potensi Eksport

Eksport kasar diunjur menyederhana sebanyak 3.7% setahun, sejajar dengan prospek perdagangan global. Pemulihan ekonomi rakan dagang utama dijangka akan menyokong eksport Malaysia walaupun menghadapi cabaran global dan konflik geopolitik. Dalam hubungan ini, perdagangan dan pelaburan akan dipertingkat dengan memanfaatkan perjanjian perdagangan. Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp) akan memberi tumpuan kepada penambahbaikan fasilitasi eksport, peningkatan keupayaan eksport dan peluasan akses pasaran bagi memastikan ekosistem perdagangan yang kondusif. Usaha bersepadu akan diambil untuk mempertingkatkan penyertaan dalam rantaian bekalan global, memantapkan integrasi serantau dan memperkukuh inisiatif perindustrian. Selain itu, produk dan perkhidmatan Malaysia akan dipromosi pada peringkat global bagi meningkatkan pasaran eksport. Di samping itu, rangka kerja untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pasaran gas serantau akan dirangkumkan dalam pelan hala tuju gas asli. Usaha juga akan dilaksana untuk membangunkan sistem pasaran elektrik bagi membolehkan perdagangan TBB.

Mengurangkan Kebergantungan terhadap Import

Import kasar diunjur berkembang sebanyak 3.6% setahun berikutan peningkatan yang stabil bagi barangan pengantara dan modal untuk menyokong aktiviti pembuatan dan pelaburan. Tumpuan akan diberi untuk memperkukuh industri domestik dan mewujudkan permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import. Dalam hubungan ini, dasar import sedia ada akan dikaji semula, terutama bagi memastikan keterjaminan dan keselamatan makanan serta mempertingkatkan pengeluaran agromakanan. Secara keseluruhan, imbalan perdagangan diunjur mencecah RM290 bilion pada tahun 2025.

Mengekalkan Lebihan Akaun Semasa Imbalan Pembayaran

Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka kekal dalam lebihan pada tahap 2.5% kepada PNK pada tahun 2025, disumbang oleh lebihan berterusan dalam akaun barangan dan defisit yang lebih rendah dalam akaun perkhidmatan. Akaun perkhidmatan yang lebih baik akan disokong terutama oleh terimaan perjalanan yang lebih tinggi berikutan promosi pelancongan yang agresif. Penekanan yang lebih akan diberi untuk menambah baik akaun pendapatan dengan menggalakkan penghantaran balik pendapatan oleh syarikat Malaysia di luar negara dan mengurangkan aliran keluar kiriman wang.

Mengoptimum Potensi Ekonomi Wilayah dan Negeri

Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi

Dalam tempoh akhir RMKe-12, pertumbuhan ekonomi wilayah dan negeri dijangka mencapai sasaran. Potensi ekonomi wilayah dan negeri akan terus diperkukuh bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dalam bidang khusus dengan menggalakkan penerimgunaan teknologi termaju dalam aktiviti hulu dan hiliran. Dalam hubungan ini, agensi pembangunan wilayah pada peringkat Persekutuan dan negeri akan digalakkan untuk menyelaras keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan keunikan dan sumber yang ada di setiap negeri. Di samping itu, penyediaan infrastruktur asas di negeri kurang membangun akan dipertingkat dan program pembangunan bakat akan dipergiat bagi memastikan peluang pembangunan yang saksama dan menambah baik keseimbangan wilayah.

Memanfaatkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau

Kerjasama subserantau akan dimanfaatkan bagi mengoptimumkan potensi ekonomi dan menarik pelaburan ke dalam subserantau. Keutamaan akan diberi untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dalam subserantau dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang lebih baik. Di samping itu, aktiviti perdagangan rentas sempadan akan dipergiat melalui penglibatan yang lebih aktif oleh pihak berkepentingan tempatan, khususnya sektor swasta. Pembangunan sosioekonomi di kawasan sempadan akan dipertingkatkan dengan menambah baik kemudahan keselamatan dan membangunkan bandar sempadan. Usaha ini akan merapatkan jurang pertumbuhan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di wilayah dan negeri.

Mengurus Inflasi

Membendung Tekanan Kenaikan Harga dan Meringankan Beban Rakyat

Inflasi dijangka berada pada kadar antara 2.8% hingga 3.8% setahun disebabkan oleh pelaksanaan subsidi bersasar secara berperingkat, permintaan domestik yang lebih kukuh dan penambahbaikan dalam pasaran buruh. Usaha akan diperkukuh untuk membendung tekanan inflasi dengan meningkatkan stok pelbagai barangan makanan serta menambah baik kecekapan pengagihan bagi memastikan bekalan tidak terganggu. Di samping itu, usaha bersepadu akan diambil untuk menangani isu harga bagi meningkatkan kuasa beli dan kesejahteraan rakyat, khususnya kumpulan mudah terjejas. Bagi meringankan beban rakyat, mekanisme sedia ada akan disemak semula dengan menyediakan sistem perlindungan sosial yang komprehensif dan inklusif. Langkah akan diambil untuk membangunkan pangkalan data bersepadu bagi menambah baik mekanisme penentuan sasaran subsidi, memperkemas saluran penyampaian dan membolehkan pelaksanaan program bersasar termasuk pengenalan gaji progresif.

Meningkatkan Penguatkuasaan dan Kesedaran Pengguna

Pemantauan harga kawalan akan dipergiat, terutama pada musim perayaan bagi memastikan harga yang berpatutan dan mengelakkan aktiviti mengaut keuntungan secara berlebihan. Pemikiran berasaskan data akan dipupuk bagi membantu pengguna membuat keputusan yang lebih baik. Kesedaran

pengguna akan terus diberi penekanan bagi memastikan hak pengguna dilindungi. Usaha ini termasuk meningkatkan kesedaran kepenggunaan dan menyediakan akses kepada maklumat mengenai harga barangan dan perkhidmatan yang terbaik dan kompetitif melalui pelbagai platform. Di samping itu, persatuan dan pertubuhan masyarakat sivil berkaitan pengguna akan diperkasa.

Menambah Baik Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Memperkukuh Tadbir Urus Fiskal

Pengurusan fiskal akan diperkukuh dengan menggubal undang-undang mengenai tanggungjawab fiskal. Langkah ini merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan. Usaha akan dipergiat bagi memperluas asas hasil, memperkemas pelepasan cukai, mengurangkan ketirisan dan pembaziran dalam perbelanjaan serta menambah baik pengurusan hutang. Di samping itu, rangka kerja Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) akan dibangunkan untuk meningkatkan hasil Kerajaan, menyemak semula insentif cukai dan menggalakkan perkongsian data dalam kalangan agensi kerajaan. Kecekapan perbelanjaan akan ditambah baik dengan menyemak semula subsidi bersasar, membangunkan gerbang tunggal permohonan belanjawan dan meningkatkan keberkesanan Semakan Semula Perbelanjaan Awam (PER). Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Hutang akan diaktifkan semula bagi memantau pengurusan hutang dan liabiliti. Di samping itu, usaha akan diambil untuk menggubal akta baharu mengenai hutang dan perolehan serta menyemak semula garis panduan kerjasama awam swasta (PPP). Langkah ini akan memperkukuh tadbir urus fiskal dan memperluas ruang fiskal bagi mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.5% hingga 3% kepada KDNK pada tahun 2025.

Meningkatkan Hasil

Pengurusan hasil akan diperkukuh bagi membolehkan kutipan cukai yang lebih baik, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar fiskal. Inisiatif yang akan dilaksana, termasuk memperluas asas cukai serta menerima guna teknologi dan pendigitalan, antaranya dengan mempelbagaikan sumber cukai serta memperkenalkan program khas pengakuan cukai sukarela dan sistem invoice elektronik. Di samping itu, aktiviti penguatkuasaan akan dipergiat bagi meningkatkan pematuhan cukai dan membendung ketirisan. Inisiatif ini dijangka meningkatkan hasil ke arah mencapai sasaran defisit fiskal.

Menyemak Semula Subsidi Bersasar dan Mempertingkatkan Pengurusan Belanjawan

Langkah akan dilaksana untuk memastikan perbelanjaan fiskal yang berhemat. Mekanisme subsidi yang lebih bersasar akan dikenal pasti bagi memastikan kumpulan sasar yang tepat menerima manfaat daripada bantuan Kerajaan. Dalam hubungan ini, pangkalan data isi rumah yang lebih bersepadu, Pangkalan Data Utama (PADU) yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar akan dibangunkan sebagai rujukan berpusat bagi menyasarkan bantuan. Selain itu, pelaksanaan projek pembangunan akan dipantau dengan lebih teliti bagi mengurangkan ketirisan dan pembaziran perbelanjaan. Agihan DE asas akan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah peruntukan DE tahunan. Usaha akan diambil bagi memanfaatkan semula

dana yang tidak digunakan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun bagi mengoptimumkan sumber sedia ada. Ini akan memastikan kecekapan perbelanjaan awam dan pengoptimuman sumber untuk tujuan pembangunan.

Menambah Baik Pengurusan Hutang dan Liabiliti

Langkah akan dilaksana bagi menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi bagi mempelbagaikan portfolio hutang dan menyelaras semula jadual terbitan hutang Kerajaan dan GLC. Di samping itu, penilaian terhadap risiko dan pendedahan liabiliti ke atas komitmen jaminan kerajaan dan projek PPP akan ditambah baik. Langkah ini akan memastikan hutang lebih terkawal dan mengurangkan pendedahan liabiliti ke arah kemampanan dan kredibiliti fiskal.

Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, ekonomi meningkat sebanyak 5.9%, melebihi sasaran asal. Walaupun pencapaian keseluruhan adalah positif, masih terdapat isu dan cabaran domestik seperti peralihan struktur ekonomi yang perlahan, gangguan dalam rantai bekalan global dan ruang fiskal yang terhad. Dalam tempoh akhir RMKe-12, strategi ekonomi makro akan ditumpukan untuk mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkukuh perdagangan luar dalam rantai bekalan global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri dan mengurus inflasi. Bagi menambah baik kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, usaha akan diambil untuk memperkukuh tadbir urus fiskal, meningkatkan hasil, menyemak semula subsidi bersasar dan mempertingkatkan pengurusan belanjawan serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Usaha bersepadu dalam pelaksanaan strategi dan inisiatif yang berkesan akan menyumbang kepada ekonomi kalis cabaran masa hadapan untuk mencapai aspirasi 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' dan menjadi negara berpendapatan tinggi.



Bab

